

Headline	Sumbangan bermakna buat 106 murid SK Janda Baik		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	8
ArticleSize	424 cm ²	Journalist	SYAHIRAH
PR Value	RM 33,137		



Sumbangan bermakna buat 106 murid SK Janda Baik

Oleh SYAHIRAH LOKMAN

JANDA BAIK – Seramai 106 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Janda Baik terdiri daripada pelbagai kaum termasuk Orang Asli mendapat bantuan persekolahan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pegawai Daerah Bentong, Datuk Azhar Arshad berkata, bantuan tersebut merupakan inisiatif Tanggungjawab Korporat (CSR) TNB bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan melalui Program Ceria ke Sekolah.

"Sumbangan berupa sepersalinan pakaian seragam, beg sekolah dan alat tulis itu adalah pemberian yang cukup bermakna buat penerimanya. "Menerusi program ini, kita melihat bahawa TNB amat mementingkan penjanaan sahlah diri dalam kalangan anak-anak bangsa," katanya ketika ditemui di SK Janda Baik di sini baru-baru ini.

Program Ceria ke Sekolah merupakan kesinambungan daripada kempen 'Back to School' anjuran TNB yang diadakan sejak tahun 2013 de-



SEBAHAGIAN pelajar SK Janda Baik yang menerima sumbangan TNB pada majlis Program Ceria ke Sekolah di Bentong, Pahang baru-baru ini.

ngan hampir 12,000 penerima daripada 800 buah sekolah di seluruh negara.

Pada tahun 2017, seramai 10,000 penerima telah menerima manfaat daripada program tersebut yang melibatkan 50 kawasan di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Kanan bahagian Grid TNB, Datuk Husaini Husin berkata, program tersebut selaras dengan fokus CSR TNB bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan yang ditanggung oleh ibu bapa.

"Kami prihatin terhadap kekangan kewangan yang



ROSMAWATI

dihadapi dalam persiapan menyediakan kelengkapan persekolahan, terutamanya kepada keluarga mempunyai anak yang ramai.

"Bantuan ini diharap dapat mendorong dan menyuntik semangat anak-anak daripada golongan kurang berkemampuan supaya terus berusaha gigih untuk berjaya dalam pembelajaran," ujarnya.

Sementara itu, Guru Besar SK Janda Baik, Rosmawati Abd. Rahman berkata, penerima sumbangan berkenaan merupakan murid yang dipilih berdasarkan latar belakang keluarga berpendapatan rendah.

"Seramai 83 orang penerima merupakan murid Rancangan Makanan Tambahan termasuk anak Orang Asli dan 23 anak-anak daripada rumah kebajikan yang disediakan," ujarnya.

Apa kata mereka

BANTUAN pembelian baju sekolah ini merupakan satu detik yang mengujakan kerana anak saya dapat menyerung pakaian dan kelengkapan serba baharu yang disumbangkan oleh TNB



ZALINA MAT. DAUD Ibu kepada salah seorang penerima sumbangan TNB



MIKE DANIEL Pelajar SK Janda Baik

SUMBANGAN ini amat bermakna buat saya yang berasal dari keluarga yang susah kerana punca pendapatan kami sekeluarga ditanggung oleh ayah seorang